

PENGURUSAN PROGRAM *SABAH WE CARE* PAKEJ BANTUAN COVID-19 KERAJAAN NEGERI SABAH

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

RUMUSAN AUDIT

"Bantuan telah diagihkan selaras dengan objektif Program *Sabah We Care* untuk meringankan beban dan kesulitan rakyat yang terjejas akibat wabak Covid-19. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan program"



RM653.22 Juta

Peruntukan Diluluskan (2020)

Objektif Program

Memberikan bantuan bagi meringankan beban dan kesulitan hidup pelbagai lapisan masyarakat yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19



2.32 Juta

Penerima Manfaat (Petugas Barisan Hadapan & Rakyat)



3 Kategori Bantuan

- Langkah 1 -2: Petugas Barisan Hadapan
- Langkah 3 – 12: Rakyat Terjejas
- Langkah 13 – 15: Perniagaan, infrastruktur, kemudahan asas luar bandar

PENCAPAIAN OUTPUT

RM225.68 juta
Agihan peruntukan sebenar
(Langkah 1 hingga 5)

961,837 orang
Penerima sebenar
(Langkah 1 hingga 5)



Langkah 1

RM44.99 juta dibelanjakan (100%) - Baik



Langkah 2

RM9.50 juta dibelanjakan (95%) - Baik



Langkah 3

RM46.61 juta dibelanjakan (94%) - Baik



Langkah 4

RM15.14 juta dibelanjakan (75.7%) - Memuaskan




Langkah 5

RM109.44 juta dibelanjakan (75.3%) - Memuaskan

PENCAPAIAN KEBERHASILAN

(Langkah 1,2,4 dan 5)

Agihan/belanja dalam tempoh PKP - PKPB :
RM159.12 Juta (88.9%)
– 372,813 KIR/Orang/Jabatan



Agihan/belanja selepas PKPB :
RM 19.95 Juta (11.1%)
- 20,016 KIR

PENGURUSAN PROGRAM

- Perbelanjaan bukan bersifat kecemasan (RM1.52 juta)
- Pelutip muka (27,720 kotak) dan *hand sanitizer* (60,177 botol) disimpan sebagai stok
- Agihan bakul makanan tidak mematuhi jenis, kuantiti barang dan nilai yang ditetapkan
- Dokumen penerima bantuan tidak diselenggara dengan teratur

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

PENGURUSAN PROGRAM *SABAH WE CARE* PAKEJ BANTUAN COVID-19 KERAJAAN NEGERI SABAH

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan adalah untuk menilai Program *Sabah We Care* Pakej Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun 2020 yang meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan program.
- Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan program pula meliputi dua perkara iaitu prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan program.
- Pengauditan dilaksanakan terhadap Langkah 1 hingga 15 melibatkan 68 kementerian/jabatan/agensi iaitu Jabatan Ketua Menteri (JKM); Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB); Kementerian Pertanian dan Perikanan (MAF); Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP); Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA); Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA); Jabatan Air Negeri Sabah (JANS); Jabatan Tanah dan Ukur (JTU); Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM), Pejabat Perhubungan Negeri Sabah (PPNS); Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK); 24 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); 31 pejabat daerah; Perbadanan Pinjaman Sabah (PPS) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Pengauditan terperinci dibuat bagi Langkah 1 hingga 5 seperti berikut:
 - pemeriksaan terhadap 11 baucar bayaran dan tujuh waran peruntukan kecil bagi perbelanjaan kecemasan bernilai RM44.99 juta (100%) serta pemeriksaan fizikal di empat agensi pelaksana melibatkan perolehan RM25.41 juta (56.5%);
 - pemeriksaan terhadap agihan sumbangan dana kepada sepuluh jabatan bernilai RM9.50 juta dan pemeriksaan fizikal terhadap perolehan/perbelanjaan dua jabatan bernilai RM1.93 juta (20.3%);

- pemeriksaan terhadap agihan waran peruntukan bantuan makanan berjumlah RM20 juta (40.4%) daripada RM49.56 juta dan pemeriksaan 16 baucar bayaran di DBKK dan Pejabat Daerah Tuaran bernilai RM1.79 juta (9%); dan
- pemeriksaan terhadap laporan agihan tunai bagi 30,286 penerima Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan 362,533 penerima KIR berpendapatan B40 masing-masing bernilai RM15.14 juta (100%) dan RM109.44 juta (100%).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Sabah meluluskan peruntukan berjumlah RM653.22 juta untuk bantuan bagi meringankan beban rakyat yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19 dengan mensasarkan manfaat kepada 2.32 juta KIR/orang/jabatan yang mana pelaksanaannya dibuat melalui 15 Langkah agihan bantuan.
- Sejumlah RM269.81 juta diperuntukan untuk Langkah 1 hingga 5 dengan penerima manfaat seperti berikut:
 - sejumlah RM45 juta peruntukan diluluskan untuk perbelanjaan kecemasan dan keperluan kritikal di bawah Langkah 1;
 - sejumlah RM10 juta peruntukan diluluskan untuk sumbangan dana kepada petugas barisan hadapan;
 - sejumlah RM49.56 juta peruntukan diluluskan untuk bantuan bakul makanan yang mensasarkan 573,599 KIR; dan
 - sejumlah RM165.25 juta peruntukan diluluskan untuk bantuan kewangan kepada 38,203 KIR miskin tegar dan 278,768 KIR golongan berpendapatan B40.

Apa yang ditemui Audit?

- Prestasi output pengurusan Program *Sabah We Care* adalah baik kerana sejumlah RM225.68 juta telah diagih/dibelanja di bawah Langkah 1 hingga 5 dan memberi manfaat kepada 961,837 penerima seperti berikut:
 - perbelanjaan/agihan kecemasan di bawah Langkah 1 berjumlah RM44.99 juta (100%);

- sejumlah RM9.50 juta (95%) telah diagihkan kepada 10 jabatan untuk makanan dan keperluan petugas barisan hadapan;
 - sejumlah RM46.61 juta telah dibelanjakan bagi bantuan bakul makanan melibatkan 569,008 KIR dengan tambahan peruntukan berjumlah RM29.56 juta. Daripada jumlah tersebut, RM19.05 juta tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan; dan
 - bantuan kewangan sejumlah RM15.14 juta (75.7%) dan RM109.44 juta (75.3%) telah diagihkan masing-masing kepada 30,286 KIR miskin tegar dan 362,533 KIR berpendapatan B40.
- Dari aspek pencapaian keberhasilan, sejumlah RM159.12 juta (88.9%) dibelanjakan/diagihkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Langkah 1, 2, 4 dan 5 telah memberi manfaat kepada 372,813 KIR/orang/jabatan. Bagaimanapun, sejumlah RM19.95 juta (11.1%) pula dibelanja/diagih selepas tempoh PKPB bagi manfaat 20,016 KIR.
 - Tempoh agihan di bawah Langkah 3 tidak dapat disahkan kerana dokumen terperinci mengenai agihan bantuan tidak dikemukakan. Semakan dibuat terhadap baucar bayaran di daerah Kota Kinabalu dan Tuaran. Sebanyak 7,797 bakul makanan diagihkan dalam tempoh PKP dan PKPB manakala 16,500 bakul makanan diagihkan selepas tempoh PKPB.
 - Terdapat kelemahan dalam pengurusan program seperti berikut:
 - sejumlah RM1.52 juta atau 3.4% berbanding jumlah perolehan kecemasan (RM44.99 juta) di bawah Langkah 1 bukan bersifat kecemasan.
 - sebanyak 27,720 (9.3%) kotak pelitup muka dan 60,177 (20.1%) botol *hand sanitizer* yang dibeli di bawah perolehan kecemasan tidak diagih dengan segera dan disimpan sebagai stok;
 - 15 baucar bayaran bernilai RM1.71 juta (95.5%) tidak mematuhi jenis barang dan kuantiti barang bakul makanan

yang ditetapkan. Nilai setiap bakul makanan bagi sembilan baucar bayaran berjumlah RM0.94 juta (52.6%) kurang RM100; dan

- kelayakan penerima bantuan golongan berpendapatan B40 yang dibayar oleh KPLB, MAF, JHEWA dan PPNS tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan untuk mengesahkan penerima bantuan memenuhi kelayakan yang ditetapkan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi tujuan menambah baik pengurusan Program *Sabah We Care*, pihak Audit mengesyorkan agar Kerajaan negeri mengambil tindakan seperti berikut:
 - menyediakan *Term of Reference* yang jelas bagi pengurusan agihan bantuan ketika darurat;
 - mengambil tindakan menguruskan dokumen penerima bantuan supaya dapat digunakan sebagai pangkalan data bagi program penyaluran bantuan pada masa akan datang; dan
 - memantau pelaksanaan program secara keseluruhan bagi menilai pencapaian objektif program.

KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

1. PENGURUSAN PROGRAM *SABAH WE CARE* PAKEJ BANTUAN COVID-19 KERAJAAN NEGERI SABAH

FAKTA UTAMA

RM653.22 JUTA

Peruntukan diluluskan pada tahun 2020 melalui Anggaran Peruntukan Tambahan

2.32 JUTA

Penerima manfaat bantuan terdiri daripada petugas barisan hadapan dan rakyat

Objektif program

Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MoF Sabah)

68
kementerian/jabatan/agensi

3 KATEGORI BANTUAN

- Langkah 1 hingga 2: Bantuan kepada petugas barisan hadapan dan kecemasan
- Langkah 3 hingga 12: Bantuan kepada rakyat terjejas
- Langkah 13 hingga 15: Memperkukuh perniagaan dan menambahbaik kualiti infrastruktur dan kemudahan asas luar Bandar
- Memberikan bantuan bagi meringankan beban dan kesulitan hidup pelbagai lapisan masyarakat yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19
- Menyalurkan waran peruntukan Program Sabah *We Care* kepada kementerian/jabatan/agensi pelaksana
- Agensi pelaksana mengagihkan bantuan

1. LATAR BELAKANG

1.1. Program *Sabah We Care* Pakej Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Sabah (Program *Sabah We Care*) diumumkan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) mantan Ketua Menteri Sabah pada 25 Mac 2020. Tujuannya adalah memberikan bantuan bagi meringankan beban dan kesulitan hidup pelbagai lapisan masyarakat yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19. Program tersebut merupakan kesinambungan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan Kerajaan bermula pada 18 Mac 2020.

1.2. Di bawah program ini, sebanyak tiga kategori bantuan di mana agihan dilaksanakan melalui 15 Langkah. Peruntukan berjumlah RM653.22 juta telah diluluskan untuk agihan bantuan melalui kesemua Langkah kecuali Langkah 6 dan Langkah 9. Sehingga bulan Februari 2022, sejumlah RM497.62 juta (76.2%) telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Agihan bantuan di bawah Langkah 6 dan 9 pula tidak melibatkan peruntukan tetapi Kerajaan memberikan potongan dan pengecualian bayaran kepada rakyat bernilai RM57.60 juta. Semua agihan bantuan di bawah Langkah 1 hingga 15 tersebut telah memberi manfaat kepada 2.32 juta Ketua Isi Rumah (KIR)/orang/jabatan seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
AGIHAN BANTUAN DI BAWAH PROGRAM *SABAH WE CARE*

KATEGORI BANTUAN	LANGKAH AGIHAN BANTUAN	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BIL. PENERIMA (KIR/Orang /Jabatan)
Kategori 1: Bantuan Kepada Petugas Barisan Hadapan dan Kecemasan	• Langkah 1 - Bantuan khas kecemasan dan keperluan kritikal	Jabatan Ketua Menteri (JKM)	45.00	44.99	TB
	• Langkah 2 - Bantuan makanan dan keperluan petugas barisan hadapan		10.00	9.50	10 (Jabatan)
Kategori 2 : Bantuan Kepada Rakyat Terjejas	• Langkah 3 – Bantuan bakul makanan	Unit Pemimpin Dan Pembangunan Masyarakat (UPPM)	49.56	46.61	569,008
	• Langkah 4 – Bantuan khas kepada golongan miskin dan miskin tegar	Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	20.00	15.14	30,286
	• Langkah 5 – Bantuan khas kepada golongan B40	KPLB, Kementerian Pertanian dan Perikanan (MAF), Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA), Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am (JPKA)	145.25	109.44	362,533
	• Langkah 6 – Potongan 30% Cukai Tanah*	Jabatan Tanah dan Ukur (JTU)	TB	TB	242,360
	• Langkah 7 – Potongan 20% Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (KKTP), (24 PBT), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	43.28	40.61	318,672
	• Langkah 8 – Pengecualian bayaran fi lesen penjaja dan sewa premis PBT selama 6 bulan	KKTP (24 PBT), DBKK	9.61	9.00	24,636
	• Langkah 9 - Pengecualian bayaran bil air selama 3 bulan bagi pengguna domestik*	Jabatan Air Negeri Sabah (JANS)	TB	TB	247,151
	• Langkah 10 – Diskaun ke atas bil elektrik selama 3 bulan	Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)	38.84	38.84	505,000
	• Langkah 11 – Pengecualian bayaran sewa rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) selama 6 bulan	KKTP (24 PBT) DBKK	21.68	8.28	20,117
	• Langkah 12 – Elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)	KPLB	30.00	9.91	2,853

KATEGORI BANTUAN	LANGKAH AGIHAN BANTUAN	KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI PELAKSANA	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BIL. PENERIMA (KIR/Orang /Jabatan)
Kategori 3: Memperkuh Perniagaan Serta Menambah Baik Kualiti Infrastruktur Dan Kemudahan Asas Luar Bandar	• Langkah 13 – Menambah baik infrastruktur asas, fasiliti dan kemudahan awam	36 Pejabat Daerah/ Daerah Kecil	150.00	143.56	TB
	• Langkah 14 – Dana Industri Kecil dan Sederhana	Perbadanan Pinjaman Sabah (PPS)	50.00	18.95 **	23
	• Langkah 15 - Skim Kredit Mikro bagi peniaga kecil		40.00	2.79 **	1,481
JUMLAH			653.22	497.62	2,324,130

Sumber: Teks Ucapan YAB Mantan Ketua Menteri Sabah Bagi Program *Sabah We Care*.

Nota: (*) Potongan dan pengecualian bayaran yang tidak melibatkan peruntukan kewangan (JTU sejumlah RM28.15 juta dan JANS sejumlah RM29.45 juta)

(**) Perbelanjaan setakat bulan Februari 2022

TB - Tidak Berkaitan

TM - Tiada Maklumat

1.3. Peruntukan untuk Program *Sabah We Care* adalah secara *one off* pada tahun 2020 yang diluluskan melalui anggaran peruntukan tambahan dan semua perbelanjaan dibenarkan untuk dilaksanakan mengikut tatacara perolehan darurat. Sebanyak 68 kementerian/jabatan/agensi iaitu JKM, KPLB, MAF, KKTP, JHEWA, JPKA, UPPM, JANS, JTU, PPNS, DBKK, 24 PBT, 31 pejabat daerah, PPS dan SESB dipertanggungjawab sebagai pelaksana agihan bantuan. Agihan bantuan adalah dalam bentuk perolehan bekalan/perkhidmatan, bakul makanan, agihan tunai, potongan dan pengecualian bayaran, menambah baik infrastruktur asas serta pinjaman kepada peniaga kecil.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai sama ada Program *Sabah We Care* telah diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif program iaitu meringankan beban dan kesulitan hidup rakyat yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan Program *Sabah We Care* bagi tempoh tahun 2020. Prestasi program dinilai berdasarkan pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan program pula meliputi prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan program bagi perolehan darurat, agihan bakul makanan dan bantuan kewangan.

3.2. Skop pengauditan adalah terhadap bantuan bagi Langkah 1 hingga 5 melibatkan 961,837 KIR/jabatan dengan perbelanjaan berjumlah RM225.68 juta atau 34.5% daripada peruntukan program yang diluluskan berjumlah RM653.22 juta. Langkah 1 hingga 5 merupakan keperluan kritikal rakyat semasa tempoh PKP melibatkan perolehan kecemasan, bantuan makanan dan wang tunai. Sampel pengauditan terperinci bagi Langkah 1 hingga 5 seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SAMPEL AUDIT

KATEGORI BANTUAN	LANGKAH AGIHAN BANTUAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	SAMPEL AUDIT			CATATAN
			(RM Juta)	(%)	AUDITI	
Kategori 1: Bantuan Kepada Petugas Barisan Hadapan dan Kecemasan	Langkah 1 - Bantuan khas kecemasan dan keperluan kritikal.	44.99	44.99	100	JKM	Baucar bayaran
	Langkah 2 - Bantuan makanan dan keperluan petugas barisan hadapan.	9.50	9.50	100	JKM	Baucar bayaran
Kategori 2 : Bantuan Kepada Rakyat Terjejas	Langkah 3 – Bantuan bakul makanan.	46.61	1.79	9.0	UPPM DBKK Pejabat Daerah Tuaran	Baucar bayaran
	Langkah 4 – Bantuan khas kepada golongan miskin dan miskin tegar.	15.14	15.14	100	KPLB	Laporan agihan tunai bagi 30,286 penerima KIR miskin tegar sebenar
	Langkah 5 – Bantuan khas kepada golongan B40.	109.44	109.44	100	KPLB MAF JHEWA JPKA PPNS	Laporan agihan tunai bagi 362,533 penerima KIR berpendapatan B40 sebenar
JUMLAH		225.68	180.86	80.1		

Sumber: Laporan Perbelanjaan Program *Sabah We Care* Kementerian/Jabatan/Agensi

3.3. Pelaksanaan PKP oleh Kerajaan berikutan penularan wabak Covid-19 yang berterusan mulai bulan Mac 2020 hingga Julai 2021 telah memberi kesan terhadap tempoh pengauditan serta pemilihan sampel Audit untuk pengesahan penerimaan bantuan dan pemeriksaan fizikal yang lebih menyeluruh.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen serta menganalisis maklumat/data berkaitan Program *Sabah We Care*. Pemeriksaan fizikal dilaksanakan di

kementerian/jabatan/agensi pelaksana untuk mengesahkan perolehan aset/bekalan yang dibeli melalui peruntukan ini. Perbincangan dengan pegawai di kementerian/jabatan/agensi turut dijalankan untuk mendapatkan pengesahan dan maklum balas terhadap isu yang ditemui.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan September 2020 hingga 30 November 2021. Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada MoF Sabah telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 9 Mac 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

5.1. Prestasi Program

5.1.1. Pencapaian Output

Sasaran bagi bantuan di bawah Langkah 1 hingga 5 adalah seperti yang dinyatakan dalam teks ucapan mengenai Program *Sabah We Care* dan peruntukan mengenainya telah diluluskan secara *one-off* melalui anggaran peruntukan tambahan tahun 2020 seperti berikut:

- a. Langkah 1 merupakan peruntukan khas bagi membiayai perbelanjaan kecemasan Covid-19 dan membantu petugas barisan hadapan mendapatkan bekalan dan peralatan yang mencukupi dalam membendung wabak Covid-19. Peruntukan yang diluluskan di bawah Langkah 1 berjumlah RM45 juta dan dikawal selia oleh JKM. Perbelanjaan adalah bergantung kepada keperluan kecemasan yang dikenal pasti oleh JKM.
- b. Langkah 2 bertujuan menyediakan makanan dan keperluan bagi petugas barisan hadapan dengan peruntukan diluluskan berjumlah RM10 juta. Petugas barisan hadapan adalah merujuk kepada anggota keselamatan yang digariskan dalam Akta Majlis Keselamatan Negara 2016; Keanggotaan Majlis. Bantuan ini disasarkan untuk tujuan penyediaan makanan petugas barisan hadapan, antaranya kepada para doktor, jururawat dan kakitangan perubatan; pegawai imigresen; Polis DiRaja Malaysia (PDRM); Angkatan Tentera Malaysia (ATM); Eastern Sabah Security Command (ESSCOM); Angkatan Polis Marin; dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

- c. Langkah 3 merupakan bantuan keperluan bahan makanan (bakul makanan) kepada KIR terjejas. Berdasarkan memo yang dikeluarkan oleh mantan Pengarah UPPM pada 25 Mac 2020, nilai bakul makanan ditetapkan pada kadar RM100 setiap satu. Peruntukan asal diluluskan untuk agihan bantuan bakul makanan berjumlah RM20 juta dan mensasarkan seramai 200,000 KIR. Namun, berdasarkan rekod UPPM, bilangan KIR yang layak selepas maklumat dikemas kini adalah 573,599 dengan peruntukan tambahan sebanyak RM29.56 juta atau 147.8% kepada RM49.56 juta berbanding peruntukan asal iaitu RM20 juta.
- d. Bantuan kewangan turut disediakan untuk membantu KIR miskin, miskin tegar dan golongan B40. Berdasarkan garis panduan permohonan bantuan menyatakan seperti berikut:
- Langkah 4 – bantuan tunai berjumlah RM500 kepada golongan miskin dan miskin tegar (tersenarai dalam e-Kasih). Sejumlah RM20 juta diperuntukkan dengan sasaran agihan kepada 38,203 KIR.
 - Langkah 5 – bantuan tunai RM300 kepada golongan miskin dan miskin tegar (terkeluar dari e-Kasih) dan golongan berpendapatan B40. Peruntukan asal yang diluluskan berjumlah RM88 juta dan mensasarkan seramai 278,768 penerima. Peruntukan tersebut telah meningkat kepada RM145.25 juta iaitu tambahan peruntukan sebanyak RM57.25 juta atau 65%.
- e. Butiran lanjut sasaran dan prestasi agihan bantuan di bawah Langkah 1 hingga 5 adalah seperti dalam **Jadual 3**:

JADUAL 3
SASARAN DAN PRESTASI AGIHAN PERUNTUKAN BAGI LANGKAH 1 HINGGA 5

PAKEJ AGIHAN BANTUAN	SASARAN		PRESTASI AGIHAN			
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENERIMA (Orang/ Jabatan)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)	SEBENAR (Orang/ Jabatan)	(%)
Langkah 1 - Bantuan khas kecemasan dan keperluan kritikal	45.00	TB	44.99	100	TB	TB
Langkah 2 - Bantuan makanan dan keperluan petugas barisan hadapan	10.00	10	9.50	95.0	10	100
Langkah 3 – Bantuan bakul makanan	49.56	573,599	46.61	94.0	569,008	99.2
Langkah 4 - Bantuan khas kepada golongan miskin dan miskin tegar	20.00	38,203	15.14	75.7	30,286	79.3

PAKEJ AGIHAN BANTUAN	SASARAN		PRESTASI AGIHAN			
	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENERIMA (Orang/Jabatan)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)	SEBENAR (Orang/Jabatan)	(%)
Langkah 5 - Bantuan khas kepada golongan B40	145.25	278,768	109.44	75.3	362,533	130.0
JUMLAH	269.81	890,580	225.68	83.6	961,837	108.0

Sumber: Laporan Perbelanjaan Program *Sabah We Care* Kementerian/Jabatan/Agensi

f. Analisis terhadap **Jadual 3** adalah seperti berikut:

- i. Bagi Langkah 1, sejumlah RM44.99 juta (100%) peruntukan telah dibelanjakan melalui 12 agensi pelaksana. Semakan Audit terhadap dokumen perbelanjaan kecemasan mendapati setiap perbelanjaan di bawah Langkah 1 telah diluluskan oleh JKM/YAB mantan Ketua Menteri/Jawatankuasa Bencana (Covid) Negeri. Kaedah perbelanjaan adalah melalui agihan waran peruntukan kecil kepada kementerian/jabatan/agensi atau dibayar oleh JKM menggunakan baucar bayaran. Berdasarkan laporan perbelanjaan, perolehan kecemasan meliputi *hand sanitizer*, pelitup muka, pakaian perlindungan, penginapan petugas barisan hadapan, bekalan makanan, keperluan pusat kuarantin, pembayaran sewa penerbangan untuk pelajar dan pengangkutan bekalan perubatan.
- ii. Bagi Langkah 2, sejumlah RM9.50 juta (95%) telah dibelanjakan melalui penyaluran sumbangan dana berjumlah RM1 juta bagi setiap jabatan antara bulan April hingga Jun 2020. Sebanyak sembilan jabatan petugas barisan hadapan yang layak berdasarkan struktur yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara iaitu Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM); ESSCOM; ATM; Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS); PDRM; Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM); RELA dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Selain itu, JKM juga menyalurkan sumbangan dana berjumlah RM500,000 kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kelulusan YAB mantan Ketua Menteri. Peruntukan tersebut bertujuan untuk penyediaan makanan dan minuman kepada pelajar yang terkandas di UMS sepanjang tempoh PKP.
- iii. Bagi Langkah 3, jumlah peruntukan yang diterima untuk bantuan bakul makanan telah meningkat sebanyak RM29.56 juta atau 147.8% kepada RM49.56 juta berbanding peruntukan asal iaitu RM20 juta. Sejumlah RM10.51 juta daripada peruntukan tambahan tersebut disalurkan daripada

peruntukan perbelanjaan kecemasan di bawah Langkah 1. **Namun begitu, baki sumber peruntukan berjumlah RM19.05 juta tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan dikemukakan kepada pihak Audit.** Daripada jumlah peruntukan yang disalurkan, sejumlah RM46.61 juta atau 94% telah dibelanjakan. Berdasarkan Laporan Prestasi Pakej Rangsangan Stimulasi Ekonomi Masyarakat Akar Umbi Bencana Covid-19, setakat 27 Ogos 2020 seramai 569,008 KIR di 60 DUN telah menerima agihan bakul makanan. Agihan bantuan dikendalikan oleh Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat Sabah (UPPM).

- iv. Agihan Langkah 4 dilaksanakan oleh KPLB. Semakan Audit mendapati sejumlah RM15.14 juta atau 75.7% peruntukan Langkah 4 telah dibelanja dan diagihkan kepada seramai 30,286 KIR (79.3%).
- v. Agihan Langkah 5 pula dilaksanakan oleh KPLB, MAF, JHEWA, PPNS dan JPKA. Sejumlah RM109.44 juta atau 75.3% daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM145.25 juta telah dibelanjakan dan diagihkan kepada 362,533 KIR atau pencapaian 130%. Bilangan KIR yang menerima bantuan melebihi sasaran asal seramai 83,765 orang. Perkara ini disebabkan permohonan yang banyak diterima daripada KIR golongan berpendapatan B40 selepas Kerajaan negeri membuka pelbagai saluran untuk menggalakkan golongan tersebut memohon bantuan.

Maklum Balas KPLB, MAF, JHEWA dan PPNS yang Diterima pada 9 Mac 2022

Bilangan penerima bantuan B40 meningkat berikutan inisiatif yang diambil oleh pejabat daerah yang turun padang untuk mengenal pasti sendiri golongan sasar agar tidak tercicir daripada menerima bantuan. Bagaimanapun, sebahagian permohonan ditolak oleh pihak JPKN yang membuat tapisan agar tiada pertindihan bantuan diterima daripada kementerian/jabatan/agensi. Selain itu, terdapat juga penerima yang layak tetapi maklumat akaun bank tidak tepat dan tidak dapat dihubungi menyebabkan bantuan tersebut tidak dapat dibayar.

Pendapat Audit | Prestasi agihan di bawah Langkah 1, 2 dan 3 adalah baik kerana mencapai sasaran. Prestasi agihan di bawah Langkah 4 dan 5 adalah memuaskan kerana 75.4% telah diagihkan.

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

- a. Penilaian tahap keberhasilan perlu dilaksanakan untuk menentukan sama ada pelaksanaan program telah mencapai objektifnya iaitu membantu rakyat mengurangkan beban dan kesulitan hidup akibat penularan wabak Covid-19.
- b. Semakan Audit mendapati, tiada bukti menunjukkan penilaian tahap keberhasilan dilaksanakan terhadap Program *Sabah We Care*. Namun begitu, MoF Sabah ada mengemukakan Laporan Prestasi Perbelanjaan kepada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah pada 4 Disember 2020. Semakan Audit selanjutnya mendapati, laporan tersebut hanya meliputi prestasi perbelanjaan bagi setiap Langkah yang dilaksanakan dalam Program *Sabah We Care*. Selain itu, tiada bukti menunjukkan penilaian menyeluruh telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah untuk mengukur pencapaian sebenar keberhasilan Program *Sabah We Care*.
- c. Penilaian Program *Sabah We Care* dilaksanakan oleh pihak Audit berdasarkan kecekapan penyampaian agihan Langkah 1 hingga 5 semasa tempoh PKP hingga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan negeri. Pelaksanaan PKP bermula pada 18 Mac hingga 12 Mei 2020 dan PKPB bermula pada 13 Mei hingga 10 Jun 2020. Sehubungan dengan itu, setiap bantuan perlu diagihkan dalam tempoh tersebut supaya manfaatnya dapat dinikmati oleh golongan sasar.
- d. Analisis Audit dilaksanakan secara menyeluruh terhadap agihan bantuan di bawah Langkah 1, 2, 4 dan 5. Hasil analisis Audit mendapati, sejumlah RM179.07 juta telah dibelanja/diagih di bawah Langkah 1, 2, 4 dan 5 dan dimanfaatkan oleh 392,829 orang/jabatan. Perbelanjaan/agihan bantuan pada tempoh PKP hingga PKPB berjumlah RM159.12 juta (88.9%) telah memberi manfaat kepada 372,813 KIR/orang/jabatan. Bagaimanapun, sejumlah RM19.95 juta (11.1%) pula dibelanja/diagih selepas tempoh PKPB bagi manfaat 20,016 KIR. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
TEMPOH AGIHAN BANTUAN

LANGKAH AGIHAN BANTUAN	BANTUAN		TEMPOH AGIHAN							
			PKP – PKPB (18 MAC – 10 JUN 2020)				SELEPAS PKPB (11 JUN – DISEMBER 2020)			
			JUMLAH BANTUAN		PENERIMA		JUMLAH BANTUAN		PENERIMA	
	(RM Juta)	(BIL)	(RM Juta)	(%)	(BIL)	(%)	(RM Juta)	(%)	(BIL)	(%)
Langkah 1	44.99	TB	31.09	69.1	TB	TB	13.90	30.9	TB	TB

LANGKAH AGIHAN BANTUAN	BANTUAN		TEMPOH AGIHAN							
			PKP – PKPB (18 MAC – 10 JUN 2020)				SELEPAS PKPB (11 JUN – DISEMBER 2020)			
			JUMLAH BANTUAN		PENERIMA		JUMLAH BANTUAN		PENERIMA	
	(RM Juta)	(BIL)	(RM Juta)	(%)	(BIL)	(%)	(RM Juta)	(%)	(BIL)	(%)
Langkah 2	9.50	10	9.50	100.0	10	100.0	0	0	0	0
Langkah 4	15.14	30,286	118.53	95.1	372,803	94.9	6.05	4.9	20,016	5.1
Langkah 5	109.44	362,533								
JUMLAH	179.07	392,829	159.12	88.9	372,813	94.9	19.95	11.1	20,016	5.1

Sumber: Laporan Perbelanjaan Program *Sabah We Care* Kementerian/Jabatan/Agensi

Nota : * Waran peruntukan diturunkan secara berperingkat. Analisis bagi baki agihan bantuan bakul makanan berjumlah RM26.61 juta tidak dapat dilaksanakan kerana maklumat tidak dikemukakan.

- e. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh agihan di bawah Langkah 3 kerana dokumen terperinci mengenai agihan bantuan tidak dikemukakan. Semakan dibuat terhadap baucar bayaran bagi 24,297 bakul makanan bernilai RM1.79 juta di daerah Kota Kinabalu dan Tuaran. Daripada jumlah tersebut sebanyak 7,797 (32.1%) bakul makanan diagihkan dalam tempoh PKP dan PKPB manakala 16,500 (67.9%) bakul makanan diagihkan selepas tempoh PKPB.

Maklum Balas MoF Sabah yang Diterima pada 9 Mac 2022

Agihan bantuan yang dilaksanakan selepas tempoh PKPB disebabkan penularan wabak Covid-19 yang masih berterusan dan bantuan tersebut adalah relevan untuk terus diagihkan bagi membantu rakyat yang terjejas.

Pendapat Audit | Pencapaian Program *Sabah We Care* adalah baik kerana 90% agihan bantuan bagi Langkah 1, 2, 4 dan 5 telah diagihkan dalam tempoh PKP dan PKPB yang memberi manfaat kepada 372,813 KIR/orang/jabatan.

5.2. Pengurusan Bantuan

Pengurusan Program *Sabah We Care* meliputi perolehan kecemasan, agihan bakul makanan dan bantuan kewangan.

5.2.1. Perbelanjaan di Bawah Langkah 1

Langkah 1 merupakan peruntukan khas bagi membiayai perbelanjaan kecemasan Covid-19 dan membantu petugas barisan hadapan mendapatkan bekalan dan peralatan yang mencukupi dalam membendung wabak Covid-19. Semakan Audit terhadap pengurusan bantuan bagi Langkah 1 mendapati perkara berikut:

5.2.1.1. Perbelanjaan Bukan Kecemasan

- a. Pelaksanaan perolehan kecemasan merujuk kepada Arahan Perbendaharaan 173.2 yang menyatakan perolehan perlu dibuat segera atau serta merta di mana kelewatan perolehan akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.
- b. Berdasarkan laporan perbelanjaan, perolehan kecemasan meliputi *hand sanitizer*, pelitup muka, pakaian perlindungan, penginapan petugas barisan hadapan, bekalan makanan, keperluan pusat kuarantin, pembayaran sewa penerbangan untuk pelajar dan pengangkutan bekalan perubatan. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati **sejumlah RM1.52 juta atau 3.4% berbanding jumlah perolehan kecemasan di bawah Langkah 1 bukan bersifat kecemasan**. Perkara ini tidak mematuhi tujuan asal peruntukan disalurkan iaitu untuk tujuan perbelanjaan kecemasan. Maklumat lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PERBELANJAAN BUKAN KECEMASAN

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN/ SYARIKAT	BUTIRAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	LKTNS	Pembelian 500 tan metrik beras dari BERNAS.	1,375,000
2.	SMK Datuk Peter Mojuntin	Pembelian katil, tilam dan bantal asrama.	146,300
JUMLAH KESELURUHAN			1,521,300

Sumber: Bahagian Pengurusan Kewangan JKM

- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap dua perbelanjaan bukan kecemasan tersebut mendapati perkara berikut:

i. Pembelian 500 Tan Metrik Beras

- Sejumlah RM1.37 juta disalurkan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) pada 30 Mac 2020 untuk membeli 500 tan beras

melalui anak syarikatnya iaitu Sabaras Sdn. Bhd. (Sabaras). Pembelian ini bertujuan untuk memastikan bekalan makanan utama kepada rakyat adalah mencukupi semasa pandemik Covid-19.

- Stok bekalan beras telah diterima oleh Sabaras pada 9 April 2020. Bagaimanapun, beras tidak disimpan sebagai stok tetapi dijual kepada pelbagai pihak kerajaan, swasta dan orang awam bermula pada 16 April 2020. Hasil jualan beras berjumlah RM1.28 juta telah diambil kira dalam perakaunan Sabaras. Berdasarkan temu bual Audit dengan pihak LKTNS dan Sabaras, tiada arahan lanjut daripada pihak Kerajaan negeri berkenaan kaedah pengagihan beras. Stok beras dijual bagi mengelakkan beras rosak kerana tidak boleh disimpan lama.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 8 Disember 2020, MoF Sabah telah memutuskan pembelian beras bernilai RM1.37 juta yang dilaksanakan melalui perbelanjaan kecemasan di bawah Langkah 1 diluluskan semula sebagai suntikan modal kepada Sabaras. LKTNS seterusnya telah mencadangkan struktur modal berbayar Kerajaan Negeri Sabah dalam Sabaras Sdn. Bhd adalah sebanyak 20% dengan nilai pelaburan RM1.37 juta. Sijil saham telah dikeluarkan oleh MoF Sabah pada 28 April 2022.

ii. Pembelian Peralatan Asrama

- SMK Datuk Peter Mojuntin telah memohon sumbangan daripada JKM untuk membeli peralatan asrama iaitu katil, tilam dan bantal asrama pada 27 Jun 2020. Tujuannya adalah untuk melaksanakan penjarakan sosial pelajar di asrama apabila sesi persekolahan dibuka selepas tempoh PKP. JKM telah meluluskan permohonan pada 13 Julai 2020 dengan nilai sumbangan sejumlah RM146,300. Perolehan peralatan asrama berjumlah RM114,400 dilaksanakan pada 24 Ogos 2020 dan telah diterima dalam tempoh 13 November hingga 23 Disember 2020.
- Lawatan Audit pada 17 Februari 2021 mendapati peralatan asrama yang telah dibeli belum digunakan dan disimpan dalam stor sekolah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**. Perkara ini berlaku disebabkan kerja naik taraf dan pembaikan asrama yang telah mengalami kebakaran pada tahun 2018 sedang dijalankan bermula pada 24 Ogos 2020.

GAMBAR 1



SMK Datuk Peter Mojuntin
- Tilam belum dipasang dan disimpan dalam stor
(17.02.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



SMK Datuk Peter Mojuntin
- Bantal belum digunakan dan disimpan dalam stor
(17.02.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



SMK Datuk Peter Mojuntin
- Bantal belum digunakan dan disimpan dalam stor
(17.02.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



SMK Datuk Peter Mojuntin
- Katil besi belum dipasang dan disimpan dalam stor
(17.02.2021)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Maklum balas daripada SMK Datuk Peter Mojuntin pada 9 Mac 2022 menyatakan peralatan telah dipasang di asrama pada 26 Jun 2021 seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

GAMBAR 5



SMK Datuk Peter Mojuntin
- Katil Besi, Tilam dan Bantal Telah Dipasang di Asrama
Yang Siap Dinaik Taraf dan Dibaik Pulih
(26.06.2021)
(Sumber: SMK Datuk Peter Mojuntin)

GAMBAR 6



SMK Datuk Peter Mojuntin
- Katil Besi, Tilam dan Bantal Telah Dipasang di Asrama
yang Siap Dinaik Taraf dan Dibaik Pulih
(26.06.2021)
(Sumber: SMK Datuk Peter Mojuntin)

Maklum Balas JKM yang Diterima pada 9 Mac 2022

Perolehan beras dan peralatan asrama melalui peruntukan kecemasan di bawah Langkah 1 adalah dengan kelulusan YAB mantan Ketua Menteri Sabah dan Jawatankuasa Bencana (Covid) Negeri. Tindakan ini berikutan Kerajaan negeri ingin menjamin supaya stok beras mencukupi sepanjang tempoh PKP dan peralatan asrama tersedia untuk memastikan penjarakan sosial dilaksanakan apabila sekolah dibuka.

5.2.1.2. Pelitup Muka dan *Hand Sanitizer* Disimpan Sebagai Stok

- a. Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 3 Tahun 2018 menjelaskan tatacara berkaitan perolehan darurat antaranya seperti berikut:
 - i. Perenggan 2.1 - menjelaskan perbelanjaan darurat di bawah AP173.2 yang mana agensi diberi kelonggaran daripada mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa demi menjaga kepentingan awam dan kerajaan;
 - ii. Perenggan 3.2 - pegawai pelaksana bertanggungjawab melaksanakan perolehan darurat dan hendaklah memastikan mengeluarkan surat arahan memulakan bekalan perkhidmatan kerja darurat;
 - iii. Perenggan 4.1 - menjelaskan skop perolehan darurat hendaklah setakat untuk menampung keperluan darurat yang berkenaan sahaja; dan
- b. Semakan Audit terhadap sampel perolehan pelitup muka dan *hand sanitizer* bernilai RM23.11 juta atau 52.1% adalah daripada jumlah perolehan darurat. Hasil semakan Audit mendapati perolehan 299,420 kotak pelitup muka dan 299,103 botol *hand sanitizer* dilaksanakan secara lantikan terus berdasarkan memo arahan YAB mantan Ketua Menteri Sabah bertarikh antara 23 Mac hingga 16 April 2020. Namun begitu, pemeriksaan Audit pada 11 September 2020 di stor JKM yang terletak di bangunan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah mendapati **27,720 (9.3%) kotak pelitup muka dan 60,177 (20.1%) botol *hand sanitizer* disimpan sebagai stok** seperti dalam **Gambar 7** hingga **Gambar 12**. Perkara ini tidak mematuhi Perkara 4.1 AP 173.2 di mana skop perolehan sepatutnya hanya menampung keperluan darurat yang perlu diagihkan segera dan tidak disimpan sebagai stok.

GAMBAR 7



Stor Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Blok C
- Stok *hand sanitizer* masih disimpan dalam stor
(11.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 8



Stor Pusat Pentadbiran Negeri Sabah, Blok C
- Stok *hand sanitizer* masih disimpan dalam stor
(11.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 9



Stor JKM di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah , Blok C
- Stok pelitup muka masih disimpan dalam stor
(11.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10



Stor JKM di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah Blok C
- Stok pelitup muka masih disimpan dalam stor
(11.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11



Stor JKM di Bangunan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Blok C
- Stok pelitup muka masih disimpan dalam stor
(11.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12



Stor JKM di Bangunan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Blok C
- Stok pelitup muka masih disimpan dalam stor
(11.09.2020)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas PHEDNP yang Diterima pada 26 Mei 2022

Semua stok pelitup muka dan *hand sanitizer* telah diagihkan sepenuhnya pada 26 Mei 2022 kepada jabatan/agensi/sekolah yang memerlukan.

Pendapat Audit | Pengurusan bantuan bagi Langkah 1 adalah baik. Bagaimanapun, perbelanjaan bukan kecemasan dan perolehan pelitup muka dan *hand sanitizer* yang tidak diagihkan dengan segera boleh menjejaskan kecekapan pengurusan agihan bantuan.

5.2.2. Agihan Bakul Makanan

- a. Berdasarkan Memo Senarai Kandungan Bakul Makanan bertarikh 25 Mac 2020 yang diluluskan oleh mantan Pengarah UPPM, nilai bantuan bakul makanan yang ditetapkan adalah RM100 setiap bakul dengan kandungan seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KANDUNGAN BANTUAN BAKUL MAKANAN

BIL.	BARANGAN	KUANTITI	KADAR HARGA (RM)
1.	Beras	10 KG	30
2.	Gula	4 KG	12
3.	Minyak Masak	4 Plastik	12
4.	Kopi/Teh	4 Bungkus	10
5.	Mee Kuning	2 Pek	12
6.	Biskut	1 Pek	12
7.	Sardin	2 Tin	12
NILAI BAKUL MAKANAN			100

Sumber: Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat Sabah (UPPM)

- b. Semakan Audit terhadap sampel 16 baucar bayaran bernilai RM1.79 juta untuk bantuan bakul makanan bagi daerah Kota Kinabalu dan Tuaran mendapati perkara berikut:
- 15 baucar bayaran bernilai RM1.71 juta (95.5%) daripada 16 baucar bayaran tidak mematuhi jenis barang seperti kopi, teh dan mee kuning diganti dengan kicap, tepung gandum, telur, susu pekat dan mee segera serta kuantiti barang dikurangkan; dan
 - nilai setiap bakul makanan kurang daripada RM100 bagi sembilan baucar bayaran berjumlah RM0.94 juta (52.6%). Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
NILAI DAN KANDUNGAN BAKUL MAKANAN

BIL.	NO. BAUCAR BAYARAN	JENIS BARANG (Ditetapkan)	KUANTITI KANDUNGAN (Ditetapkan)	HARGA SEUNIT SEBENAR (RM) (A)	KUANTITI BAKUL SEBENAR (BIL) (B)	NILAI BAKUL (RM) (C)	ANGGARAN KUANTITI (D) = C/100	PERBEZAAN KUANTITI BAKUL (E)=B-D
TUARAN								
1.	686-163	Cukup	Tidak cukup	71.80	1,200	86,160.00	861	339
2.	1469-163	Lebih	Tidak cukup	100.00	1,000	100,000.00	1,000	0
3.	685-163	Cukup	Tidak cukup	44.55	997	44,416.35	444	553
4.	1470-163	Lebih	Tidak cukup	100.00	1,000	100,000.00	1,000	0
5.	688-163	Cukup	Tidak cukup	78.30	1,200	93,960.00	939	261
6.	562-163	Cukup	Tidak cukup	72.50	1,200	87,000.00	870	330
7.	1471-163	Lebih	Tidak cukup	100.00	1,500	150,000.00	1,500	0
8.	392-163	Cukup	Cukup	86.20	1,000	86,200.00	862	138
9.	393-163	Cukup	Tidak cukup	78.30	1,200	93,960.00	939	261
KOTA KINABALU								
1.	1780-501	Lebih	Tidak cukup	100.00	1,000	100,000.00	1,000	0
2.	1789-501	Lebih	Tidak cukup	100.00	2,000	200,000.00	2,000	0
3.	1777-501	Lebih	Tidak cukup	100.00	1,000	100,000.00	1,000	0
4.	1228-501	Tidak cukup	Tidak cukup	100.00	1,000	100,000.00	1,000	0
5.	1761-501	Tidak cukup	Tidak cukup	50.00	2,000	100,000.00	1,000	1,000
6.	1790-501	Tidak cukup	Tidak cukup	50.00	4,000	200,000.00	2,000	2,000
7.	1764-501	Tidak cukup	Tidak cukup	50.00	3,000	150,000.00	1,500	1,500
JUMLAH					24,297	1,791,696.35	17,915	6,382

Sumber: Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat Sabah (UPPM)

Maklum Balas MoF Sabah yang Diterima pada 9 Mac 2022

UPPM menyatakan stok bekalan bahan makanan terhad dan pergerakan yang sukar semasa tempoh PKP menyebabkan perkara di atas berlaku. Selain itu, nilai bakul makanan yang kurang daripada RM100 bertujuan untuk agihan kepada lebih ramai KIR yang memerlukan.

Pendapat Audit | **Pengurusan bantuan bagi Langkah 3 kurang memuaskan kerana tidak mematuhi jenis dan kuantiti barang yang ditetapkan serta nilai bakul makanan telah dikurangkan.**

5.2.3. Bantuan Kewangan

- a. Berdasarkan garis panduan permohonan bantuan menyatakan Langkah 4 dan 5 merupakan agihan bantuan kewangan kepada KIR miskin, miskin tegar dan berpendapatan B40. Syarat dan kelayakan bagi menerima bantuan kategori miskin dan miskin tegar adalah berdaftar dengan sistem e-Kasih. Selain itu, syarat dan kelayakan penerima kategori KIR B40 adalah berpendapatan bermula RM2,500 hingga RM4,850, bukan kakitangan kerajaan, berkahwin dan tidak berdaftar dalam sistem e-Kasih. Bantuan dibayar melalui KPLB, MAF, JHEWA, PPNS dan JPKA.
- b. Semakan Audit mendapati penerima bantuan di bawah Langkah 4 yang dibayar oleh KPLB dan penerima bantuan Langkah 5 yang dibayar oleh JPKA dapat disahkan memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan kelayakan penerima bantuan berpendapatan B40 yang dibayar oleh KPLB, MAF, JHEWA dan PPNS kerana tiada dokumen sokongan untuk mengesahkan penerima bantuan memenuhi kelayakan yang ditetapkan.**
- c. Perkara ini berlaku disebabkan tindakan untuk menguruskan dokumen selepas pemilihan penerima bantuan tidak dilaksanakan. Kesannya, terdapat risiko bantuan dibayar kepada penerima yang tidak layak.

Pendapat Audit | **Pengurusan bantuan bagi Langkah 4 adalah baik. Bagaimanapun, pengurusan bantuan bagi Langkah 5 kurang memuaskan kerana dokumen penerima bantuan tidak diselenggara dengan teratur.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, bantuan telah diagihkan selaras dengan objektif Program *Sabah We Care* untuk meringankan beban dan kesulitan rakyat yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19. Sejumlah RM179.07 juta telah diagih/dibelanja di bawah Langkah 1, 2, 4 dan 5 yang memanfaatkan 392,829 KIR/jabatan. Sejumlah RM159.12 juta (88.9%) untuk manfaat 372,813 (94.9%) KIR/jabatan telah diagihkan sepanjang tempoh kritikal iaitu semasa PKP hingga PKPB. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program dari aspek perolehan, agihan dan penyelenggaraan dokumen.

Keberkesanan pencapaian objektif Program *Sabah We Care* tidak dapat dinilai secara menyeluruh berikutan limitasi pengauditan dalam tempoh PKP.

7. SYOR AUDIT

Bagi tujuan menambah baik pengurusan Program *Sabah We Care*, pihak Audit mengesyorkan agar Kerajaan negeri mengambil langkah seperti berikut:

7.1. menyediakan *term of reference* yang jelas bagi pengurusan agihan bantuan ketika darurat;

7.2. mengambil tindakan menguruskan dokumen penerima bantuan supaya dapat digunakan sebagai pangkalan data bagi program penyaluran bantuan pada masa akan datang; dan

7.3. memantau pelaksanaan program secara keseluruhan bagi menilai pencapaian objektif program.

